

19113

A. Samad Idris et al. Adat merentas zaman. Seremban: Jawatankuasa Penyelidikan budaya Negeri Sembilan dan Kerajaan Negeri Sembilan Darul Khusus, 1994

PEMODENAN PERTANIAN DI DALAM MASYARAKAT ADAT DI NEGERI SEMBILAN

OLEH

A. RAHMAN RAZAK* & SARIAH MEON**

PENDAHULUAN

Sektor pertanian menyumbangkan lebih kurang 23% dari jumlah pengeluaran kasar dalam negeri, 35% jumlah pendapatan eksport dan menampung 2.07 juta pekerjaan dalam tahun 1982. Sungguhpun sektor pertanian merupakan sektor yang penting dalam ekonomi negara, tetapi kadar kemiskinan adalah tinggi terutama sekali dari sektor-kecil pekebun kecil, padi, perikanan dan tanaman campuran. Jika dibandingkan dengan sektor-sektor lain, pertumbuhan sektor pertanian adalah lembab. Besar kemungkinan dasar ekonomi baru kerajaan untuk membasmiakan kemiskinan, tidak akan tercapai sekiranya masalah dalam sektor ini tidak diatasi. Dengan ini, dasar pertanian negara yang telah diwujudkan, mempunyai matlamat untuk memaksimumkan pendapatan daripada pertanian melalui penggunaan sektor pertanian kepada pembangunan ekonomi negara keseluruhannya. Tujuan Dasar Pertanian Negara ini, dengan erti kata yang lain ialah memodenkan pertanian.

Masalah pemodenan pertanian di negeri-negeri di Malaysia, tidaklah ada bezanya dengan masalah yang dihadapi oleh masyarakat adat di Negeri Sembilan. Tetapi di samping faktor-faktor semasa yang merangkumi aspek-aspek seperti teknologi, ekonomi, sosial dan sebagainya, masyarakat adat di Negeri Sembilan menghadapi masalah tanah adat. Tetapi sejauh manakah pemodenan pertanian di Negeri Sembilan khususnya di tanah-tanah adat dipengaruhi oleh adat perpatih? Dari itu kertas kerja ini bertujuan untuk menghuraikan secara ringkas masalah pemodenan pertanian dalam struktur pemilikan dan penggunaan tanah adat di Negeri Sembilan dan cara-cara mengatasi masalah-masalah itu.

KONSEP PEMODENAN PERTANIAN

Pemodenan pertanian adalah satu proses perubahan secara menyeluruh di dalam masyarakat petani, daripada cara tradisional kepada cara baru. Faktor utama dalam pemodenan pertanian atau revolusi pertanian ini adalah dari petani sendiri. Petani hendaklah:

- (1) menukar sikap dan anggapan terhadap pertanian, supaya mensifatkannya sebagai satu perusahaan yang boleh meninggikan taraf hidup mereka.
- (2) sedia menerima teknologi-teknologi baru di dalam pengelolaan tanah mereka, seperti penggunaan alat baru, yang lebih berkesan dan cekap menguruskan tanaman dengan lebih berkesan.
- (3) sedia mengelolakan perusahaan ini sebagai komersial dan maju.

Di sebaliknya pula, agensi-agensi penggerak dan penggalak pemodenan seperti kemudahan kredit, pemasaran, dan pemindahan teknologi mestilah bekerjasama dengan petani-petani. Percantuman di antara dua faktor ini akan menentukan keberkesanan matlamat untuk memodenkan pertanian.

Dalam konteks masyarakat adat di Negeri Sembilan, aspek pemodenan yang disebutkan di atas telahpun berlaku. Dari segi perubahan teknologi, unsur pemodenan dapat diidentifikasikan dari beberapa segi penggunaan sistem taliair yang teratur, tanaman padi dua musim menggantikan tanaman padi semusim, penggunaan jentera secara meluas, kilang-kilang padi, benih-benih baru yang diperakui, baja-baja kimia, racun-racun perosak dan lain-lain lagi. Perubahan sosio-budaya khususnya sikap kaum tani terhadap perubahan teknologi dari segi penerimaan mereka dan juga sikap kepada perubahan institusi di masyarakat adat Negeri Sembilan adalah positif dan memberangsangkan. Pengenalan alat-alat baru dan cara-cara baru diterima dengan baik oleh petani-petani. Sungguhpun perubahan teknologi sudah berlaku serta perubahan sosio-budaya dari segi sikap, nilai dan pandangan hidup yang positif terhadap pekerjaan pertanian telah terbentuk dengan agak meluas, tetapi perubahan ekonomi, kemajuan dan pembangunan yang lebih bererti dan menyeluruh belum lagi dinikmati. Ramai kaum petani masih miskin dan pendapatan mereka rendah, malakala yang lain berpendapatan sederhana sahaja.

Dari segi agensi penggerak dan penggalak memang terdapat institusi-institusi baru dalam bentuk organisasi-organisasi formal yang terlibat dalam kehidupan ekonomi masyarakat di situ. Institusi-institusi ini termasuklah Persatuan Peladang, Syarikat Kerjasama, Bank-bank seperti Bank Pertanian, Bank Bumiputra dan sebagainya.

Adakah pencantuman ini tidak berkesan? Di sebaliknya pula, adakah adat perpatih yang tunggal di Negeri Sembilan satu faktor tambahan menyekat keberkesanan pemodenan pertanian dalam masyarakat adat?

MASYARAKAT ADAT DI NEGERI SEMBILAN

Keindividuan masyarakat Negeri Sembilan kerana adat perpatihnya memang diketahui umum. Istilah perpatih itu sendiri adalah merupakan nama bagi seseorang yang mempeluori sistem hidup ini, sedangkan adat inilah segala peraturan-peraturan dan hukuman-hukuman yang diwujudkan di dalam sistem tadi, bertujuan membendung perlakuan-perlakuan dan memupuk nilai-nilai kemanusiaan anggota-anggotanya iaitu undang-undang.

Oleh itu adat perpatih ialah satu peraturan hidup yang merupakan satu kawalan sosial, dan juga merupakan satu sistem kekerabatan yang terbentuk *matrilineal*, amat liberal dan menyeluruh. Di dalamnya terdapat konsep-konsep seperti jurai, perut, suku dan lain-lain. Masyarakat adat hidup berkampung-kampung, bersyarikat dan bekerjasama sesama suku dan dengan suku-suku lain. Kerjasama ini menghasilkan pentadbiran yang teratur, ekonomi yang kukuh dan keadaan hubungan sosial yang harmoni dan demokrasi. Masyarakat adat senantiasa memberi pandangan terbuka terhadap perubahan-perubahan hidup seperti yang dikatakan di perbilangan:

Ibu adat ialah muafakat,
usang-usang diperbaharui,
yang lapuk disokong,
yang elok dipakai,
yang buruk dibuang,
melihat contoh pada yang lampau,
melihat tuah pada yang menang,
yang senteng dilabuhkan,
yang panjang dikeratkan,
yang rumpang disisit.

Walaupun sistem adat perpatih liberal dan demokratik, ada juga peraturan-peraturan yang tidak menggalakkan pembangunan positif dalam pertanian. Di antaranya adalah sistem cara milik dan penggunaan tanah. Ini mungkin menjadi masalah pokok yang dihadapi oleh petani-petani di dalam masyarakat adat.

SISTEM CARA MILIK DAN PENGGUNAAN TANAH

Tanah adalah asas pertanian dan menjadi faktor-faktor pengeluaran yang terpenting di negara-negara pertanian. Di dalam masyarakat Melayu, terdapat juga anggapan bahawa tanah bukan saja satu punca bagi mengeluarkan hasil-hasil pertanian, tetapi juga dianggap sebagai simbol status dan jaminan kehidupan.

Disebabkan sistem adat perpatih, cara milik dan kuasa usaha, tanah-tanah pertanian di Negeri Sembilan khususnya tanah pusaka adat, berbeza

daripada negeri-negeri lain. Tanah pusaka adat tidak mengikut sistem paraid di mana anak perempuan dan anak lelaki mempunyai hak yang sama. Tanah pusaka adat dipulangkan kepada waris perempuan di dalam suku itu sahaja dan sehingga ke hari ini pengwarisan harta pusaka di Negeri Sembilan masih lagi mengikut sistem adat perpatih seperti kata pepatah:

Terbit pusaka dari saka,
silelaki menyandang pusaka,
siperempuan punya pusaka,
orang semenda yang membela.

Masalah pertanian akan bertambah rumit apabila terdapatnya tanah-tanah adat di beberapa daerah di negeri ini dan terikat dengan lunas-lunas pemakaian adat itu sendiri seperti yang didapati dalam perbilangan:

Sawah yang berjenjeng,
pinang yang gayu,
nyir yang saka,
Lembaga yang punya.

Tetapi pada hari ini peruntukan yang disediakan oleh adat perpatih untuk menjamin kedudukan ekonomi masyarakat adat tidak bermakna lagi. Bilangan ahli-ahli masyarakat adat perpatih telah bertambah berganda-ganda tetapi jumlah tanah adat adalah sentiasa tetap. Dengan ini bermakna melalui proses perwarisan yang berlaku berulang kali, berlaku pemecahan tanah adat sehingga jumlah tanah pusaka yang dimiliki oleh seorang wanita dalam masyarakat ini amat kecil dan bilangan yang tidak bertanah juga mulai bertambah. Adakalanya tuan punya tanah adalah terlalu ramai dan kebanyakan keluasan tanah terlalu kecil (Jadual I).

Jadual I :

Taburan Keluasan Tanah Adat Di Negeri Sembilan Mengikut Daerah (1983)

Daerah	Luas Tanah ekar	Bilangan Lot	Bilangan Grant
Kuala Pilah	17,448	9,950	9,973
Rembau	13,272	8,622	8,587
Tampin	2,072	1,013	992
Jempol	1,699	809	759
Jelevu	96	64	63
Seremban	Tiada Tanah Adat		
Port Dickson	Tiada Tanah Adat		
Jumlah	34,587	20,458	20,374

Lazimnya, tanah-tanah pertanian di Negeri Sembilan ini merupakan tanah-tanah pusaka yang dimiliki oleh beberapa orang, misalnya di Kuala Pilah, purata satu-satu lot tanah itu kurang dari 2 ekar (Jadual I). Ini akan menimbulkan masalah untuk membuat ketetapan dalam soal membahagikan bidang tanah itu kepada waris-waris tertentu. Ini mengakibatkan tidak terdapat kata sepakat untuk mengerjakan tanah itu supaya dapat mendatangkan keuntungan.

Dalam masyarakat adat perpatih juga suami adalah orang mendatang dan turut mengerjakan kebun-kebun dan tanah sawah mereka. Corak tempat kediaman ini menimbulkan kesan-kesan yang negatif terhadap sikap suami dalam bidang ekonomi. Suami kurang bersungguh-sungguh dalam usaha-usaha ekonomi yang mereka jalankan. Sikap mereka ini mungkin berpunca dari corak pemilikan tanah-tanah pusaka, adat perpatih dan dari kedudukan suami itu sendiri. Sawah yang dikerjakan oleh satu-satu keluarga itu adalah kepunyaan isteri-isteri dan oleh yang demikian keinginan suami untuk betul-betul berusaha mengerjakannya tidak ada kerana tanah itu bukan haknya. Perkara seperti tanah dan soal pemilik-pemilikinya dirasai adalah penting kerana dengan memilikinya sipemilik akan merasa bertanggungjawab terhadapnya.

Secara kasarnya, memanglah sistem cara pemilikan dan penggunaan tanah dalam masyarakat adat perpatih merupakan faktor tambahan dalam masalah pemodenan pertanian di Negeri Sembilan. Di sebaliknya pula, sistem kekeluargaan bercorak *matrilineal* dalam adat perpatih jika diteliti adalah dinamis. Ia sentiasa berusaha mengikut peredaran zaman, seperti kata perbilangan,

Sekali air godang,
sekali pasir berubah.

Perubahan dalam hukuman masyarakat adat adalah muafakat, seperti kata perpatih,

Bulat air kerana pembetong,
bulat manusia kerana muafakat.

dan

Ibu adat ialah muafakat,
usang-usang diperbaharui,
yang lapuk disokong,
yang elok dipakat,
yang buruk dibuang.
Melihat contoh pada yang lampau,
melihat tuah pada yang menang,
yang senteng dilabuhkan,
yang panjang dikerat,
yang rumpang disisit.

Oleh itu cara memproses harta-harta mereka, tanah-tanah adat khasnya di kampung-kampung boleh diubah, daripada corak individu kepada corak kerjasama (syarikat), dengan muafakat. Anak-anak yang bakal mewarisi harta pusaka jika tidak tinggal di kampung haruslah berusaha dan bersedia menyerahkan unit-unit tanah kepada yang memerlukan untuk mengerjakannya. Dengan cara ini, apa-apa tindakan di atas corak pertanian yang sesuai boleh dijalankan tanpa menanti persetujuan daripada mereka. Apa yang sebenarnya menghalang adalah sikap tuan tanah dan anggapan yang akan mengerjakan tanah itu.

Pemodenan pertanian adalah satu masalah negara dan tidak hanya terdapat di tanah-tanah adat di Negeri Sembilan sahaja. Tetapi, oleh ketunggalan (uniqueness) adat perpatih di negeri ini, adat telah dipersalahkan. Pada padangan kami, adat tidak boleh dipersalahkan. Ada eloknya diteliti faktor-faktor lain yang melembabkan pemodenan pertanian di masyarakat adat dan menyebabkan tanah-tanah di Negeri Sembilan terbiar.

1) *Sikap petani-petani sendiri*

Pertanian moden adalah satu pengusahaan yang memerlukan penumpuan masa sepenuhnya. Petani-petani di Negeri Sembilan mestilah memahami sikap ini. Mereka terpaksa mengubah sikap dari tumpuan kepada berbagai jenis perusahaan kepada satu perusahaan pertanian yang boleh meninggikan taraf hidupnya. Apa yang diamalkan oleh petani-petani sekarang ini ialah mengusahakan pertanian sebagai kerja sampingan tetapi pada masa yang sama menganggapnya sebagai satu mata pencarian. Misalnya, seorang petani itu adalah seorang penoreh getah, pesawah dan juga penternak pada masa yang sama. Semua usaha-usaha dalam tiga pengusahaan ini adalah secara bersungguh-sungguh dan tidak besar. Kawasan yang ditoreh mungkin seluas dua ekar dan pokok-pokok tua. Sawah yang diusahakan mungkin tidak lebih dari satu ekar dan ternakan yang dipelihara cuma dua atau tiga ekor lembu dan beberapa ekor kambing. Ternakan ini dilepaskan untuk mencari makanan sendiri. Tiap-tiap perusahaan yang dijalankan tidak mencukupi untuk mendatangkan pendapatan yang lumayan, hanya setakat cukup makan sahaja.

2) *Keluasan tanah*

Keluasan tanah menjadi masalah untuk memodenkan pertanian. Tuan punya tanah atau penama mestilah bersedia menukar sikap dan pandangan untuk membenarkan tanah-tanah disepadukan jadi satu kawasan yang luas dan dapat diusahakan dengan cara moden seperti yang dibincangkan di atas.

3) *Pemindahan teknologi*

Pemindahan teknologi dari agensi-agensi kerajaan kepada petani-petani harus berkesan. Cara pemindahan teknologi pertanian dari agensi kerajaan seperti RISDA dan Jabatan Pertanian dan agensi-agensi lain mungkin tidak efektif

lagi. Adakalanya didapati satu agensi itu bertindih. Misalnya dalam penanaman tanaman semusim, RISDA dan Jabatan Pertanian memainkan peranan yang sama. Adakah kepakaran di Jabatan Pertanian boleh diatasi oleh RISDA untuk memberi keberkesanan yang lebih kepada tanaman lain daripada getah? Bukankah elok jika RISDA menumpukan segala tenaga dan kepakarannya untuk memindahkan teknologi moden dalam penanaman semula getah-getah tua di tanah adat perpatih? Kejayaan sesuatu pemindahan teknologi itu bukanlah berdasarkan hanya keluasan kawasan yang dibuka. Tetapi apa yang perlu dikesan ialah sejauh manakah satu-satu perusahaan yang dijalankan oleh petani diusahakan secara yang sepatutnya diamalkan oleh ladang-ladang yang maju.

4) *Mengenalpasti perusahaan pertanian*

Sebilangan besar dari 35,000 ekar tanah pusaka adat (Jadual 1) di Negeri Sembilan adalah tanah sawah. Adakah agensi-agensi kerajaan mengkaji perusahaan pertanian yang sesuai untuk dimajukan pada tanah berkenaan dengan mengambilkira semua faktor-faktor di kawasan sekitar? Sekiranya tanah sawah patut diusahakan sebagai kawasan padi, adakah rancangan perairan kerajaan sesuai dengan keperluan tanaman. Misalnya di kawasan Jelevu, adakala projek perairan sawah-sawah terbiar kerana kekurangan air selepas adanya sistem perairan yang baru. Mungkin kerajaan terpaksa menyepadukan semua pakar-pakar yang terlibat dalam merancang satu-satu kawasan itu. Sekiranya pula tanaman baru terpaksa diperkenalkan di kawasan sawah, agensi berkenaan hendaklah menunjukajar teknologi-teknologi yang perlu diketahui oleh petani-petani dan bukan hanya di peringkat memberi bantuan sahaja.

5) *Penghijrahan tenaga ke kawasan bandar*

Sistem pelajaran yang mengiktiraf kelulusan persekolahan telah mempengaruhi perpaduan masyarakat adat perpatih dan mengakibatkan mobiliti menegak dan geografikal. Pemindahan ke bandar-bandar di mana peluang-peluang pekerjaan lebih banyak bukan sahaja melibatkan belia-belia yang makan gaji, juga wanita-wanita yang bersuamikan lelaki yang makan gaji. Dengan tidak secara langsung penghijrahan ini mengurangkan tenaga manusia untuk mengerjakan aktiviti-aktiviti pertanian.

Tanah-tanah pusaka seperti tanah sawah yang ditinggalkan oleh tuan-tuan tanah ini menjadi kawasan-kawasan yang terbiar. Kawasan ini bukan sahaja tinggal semak malah menjadi sarang-sarang musuh tanaman seperti tikus dan lain-lain, dan menyulitkan perairan dan penyelenggaraan tanaman di kawasan-kawasan yang berhampiran. Ini akan menjadi lebih ketara apabila tuan punya tanah itu tidak dapat dikesan atau berada jauh dari kawasan tanah itu sehingga penyewa-penyewa yang ingin mengusahakan tanah-tanah itu tidak dapat menghubungi mereka.

Penghijrahan ini mungkin tidak berlaku sekiranya pandangan masyarakat terhadap pertanian masih belum diubah. Perubahan pandangan ini hanya dapat diubah sekiranya pertanian boleh menentukan pendapatan yang tetap.

6) *Kemudahan kredit*

Kemudahan kredit dari institusi kewangan untuk memajukan tanah-tanah tersebut adalah satu masalah semasa di kawasan pertanian, terutamanya tanah pusaka adat. Adakah institusi-institusi kewangan sanggup menerima tanah-tanah tersebut sebagai sandaran kepada pinjaman dan memproses pinjaman dengan masa yang pendek? Kejayaan satu-satu perusahaan tergantung kepada modal yang ada.

6) *Pemasaran hasil-hasil pertanian*

Mendapat pasaran dengan harga yang berpatutan adalah salah satu faktor yang penting, untuk meninggikan pendapatan. Walaupun penghasilan tinggi, jika tiada pemasaran serta harga yang berpatutan, matlamat untuk memperolehi pendapatan yang tinggi tidak akan tercapai.

Idris¹ mendapati salah satu faktor yang mengagalkan projek tanaman kontan RISDA di daerah Kuala Pilah dan Rembau ialah pemasaran. Mereka sering mendapat tekanan daripada pemborong-pemborong dan orang-orang tengah. Sungguhpun RISDA dan agensi seperti FAMA mengadakan kemudahan pemasaran tetapi selalunya tidak efektif kerana (i) harga yang ditetapkan adalah lebih rendah, (ii) petani-petani terpaksa membawa hasil-hasil mereka ke pusat-pusat pembelian FAMA atau RISDA, (iii) sering juga dijalankan pula *grading* bagi hasil-hasil pertanian itu, dan (iv) cara pembayarannya menjadi kesulitan.

KESIMPULAN

Pada kesimpulannya, adat perpatih hanyalah satu helah dan bukannya penghalang kepada pemodenan pertanian. Faktor-faktor lain dalam menggerakkan pertanian adalah lebih mendesak untuk diteliti. Misalnya dari segi kemudahan kredit dari institusi-institusi, pemasaran hasil-hasil yang diusahakan, tenaga pekerja dan pemindahan teknologi adalah antara faktor-faktor penting yang patut diteliti. Walaupun semua faktor-faktor ini dapat dibereskan dan diatasi, tetapi kejayaan pemodenan pertanian masih ditentukan oleh sikap petani sendiri.

NOTA KAKI

- * Penulis adalah Timbalan Dekan, Fakulti Pertanian, Universiti Pertanian Malaysia, Serdang, Selangor.
- ** Penulis adalah pensyarah di Fakulti Pertanian, Universiti Pertanian Malaysia, Serdang, Selangor.
- 1. Idris Hj. Omar, 1979., Faktor-faktor yang Berkaitan dengan Pembayaran Semula Kredit oleh Peserta-Peserta Projek Kredit Tanaman Kontan RISDA Di Daerah Kuala Pilah dan Rembau, N.S¹, Kertas projek B.S. (Pertanian), Universiti Pertanian Malaysia.